

Penurunan cukai korporat kepada IKS sahaja dibataskan

UM 21 SEP 2002

KUALA LUMPUR 20 Sept. — Kerajaan membataskan penurunan cukai korporat kepada sektor industri kecil dan sederhana (IKS) sahaja kerana cukai tersebut tidak tinggi dan bukan faktor yang menentukan keupayaan negara menarik pelaburan langsung asing (FDI).

IKS menerima penurunan cukai korporat dari 28 peratus kepada 20 peratus dalam bajet 2003 yang diumumkan hari ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, terdapat rungutan yang mengatakan kadar cukai korporat negara sebanyak 28 peratus adalah tinggi berbanding negara-negara lain.

Beliau berkata, walaupun kadar ini nampaknya tinggi, tetapi perlu disedari bahawa Malaysia tidak mengenakan cukai ke atas dividen seperti di Taiwan sebanyak 30 peratus, Jepun 30 peratus dan Thailand 10 peratus.

Jika ini diambil kira katanya, beban cukai di negara-negara ini adalah lebih tinggi, iaitu Taiwan sebanyak 47.5 peratus, Jepun 59.4 peratus dan Thailand 37 peratus.

Di samping itu katanya, cukai korporat tidak seharusnya dilihat dari segi kadar nominal sahaja, tetapi diambil kira insentif cukai yang disediakan.

“Jika insentif-insentif ini diambil kira, kadar cukai berkesan bagi sektor pembuatan di Malaysia hanyalah lapan peratus sahaja,” katanya ketika membentangkan bajet 2003 di sini hari ini.

Menurut Perdana Menteri, terdapat juga anggapan bahawa rejim cukai korporat yang rendah boleh menarik lebih banyak kemasukan FDI.

Anggapan ini tidak semestinya benar, katanya, memandangkan Malaysia telah terus berjaya menarik FDI walaupun dalam tempoh di mana kadar cukai korporat adalah tinggi, iaitu dalam lingkungan 40 peratus dalam tahun 80an dan 30 peratus dalam tahun 90an.

Di samping itu kata Dr. Mahathir, negara-negara yang mempunyai kadar efektif cukai korporat yang lebih tinggi dari Malaysia seperti Thailand, China, Korea dan Taiwan juga telah berjaya menarik kemasukan FDI.

“Pengurangan cukai korporat juga tidak erti akan meringankan beban cukai pelabur asing, kerana walaupun tidak membayar cukai di negara ini, mereka terpaksa membayarnya di negara asal mereka,” katanya.

Oleh yang demikian katanya, sebarang manfaat yang diperolehi dari pengurangan cukai di negara ini, hanya akan menguntungkan negara mereka.

Sebenarnya kata beliau, terdapat faktor-faktor lain yang lebih mempengaruhi kecenderungan dan minat pelabur asing untuk melabur di negara ini, antara yang terpenting ialah keadaan sosio-politik yang stabil, kemudahan infrastruktur yang bertaraf dunia, tenaga kerja yang terlatih dan mudah dilatih serta pengurusan ekonomi yang jelas berdaya tahan.

Sehubungan itu, katanya, pelaburan tempatan akan digiatkan supaya lebih menyumbang kepada pertumbuhan negara masa depan.

Untuk ini menurut beliau, kerajaan telah banyak memberi pelbagai insentif untuk menggalakkan pelaburan.

“Kerajaan akan terus menumpukan kepada pembangunan IKS sebagai usaha memperluaskan lagi rantaian dalam semua sektor,” katanya.

Menurut Dr. Mahathir, selaras dengan dasar untuk menggalakkan pelaburan tempatan, terutamanya di kalangan IKS yang kurang mendapat manfaat daripada galakan cukai yang disediakan, dicadangkan supaya cukai korporat bagi IKS dengan modal berbayar 2.5 juta ringgit ke bawah, dikurangkan daripada 28 peratus kepada 20 peratus bagi pendapatan bercukai sehingga 100 ribu ringgit.